

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 1/1977.**

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.

**Kerja-kerja Bahagian Pengukuasa.**

Adalah sebagaimana termaklum Pejabat-pejabat Tanah mempunyai Bahagian Pengukuasa masing-masing. Difahamkan ini bahagian ini hanya menumpukan kerja-kerja pengukuasa di atas perlanggaran-perlanggaran peruntukan Kanun Tanah Negara dalam hal-hal pendudukan dan lain-lain secara tidak sah di atas tanah kerajaan, rezab dan perlombongan dan pengambilan serta pengalihan bahan-bahan batuan secara tidak sah.

2. Perjalanan-perjalanan ini hendaklah diteruskan disamping diambil juga perjalanan-perjalanan ke atas perlanggaran-perlanggaran peruntukannya lain seperti perlanggaran syarat-syarat tanah, tuggakan cukai sewa dan lain-lain yang difikirkan perlu.
3. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu sekarang ini juga mempunyai Bahagian Pengukuasa dan bahagian ini bolehlah membantu menjalankan tugas-tugas Bahagian Pengukuasa di Pejabat-pejabat Tanah di daerah-daerah apabila diperlukan. Perlanggaran peruntukan Undang-undang Tanah khasnya Kanun Tanah Negara akan memerlukan perjalanan dan tindakan di Bahagian Pengukuasa. Tindakan-tindakan ke atas perlanggaran peruntukan Kanun Tanah Negara ternyata akan banyak mengakibatkan pendakwaan di Mahkamah dan sebagaimana termaklum satu sistem pendakwaan bagi semua kejadian perlanggaran peruntukan Kanun Tanah Negara telah dipersetujui sebagaimana berikut:-
  - a) Kesemua kejadian perlanggaran peruntukan Kanun Tanah Negara yang boleh mengakibatkan pendakwaan di Mahkamah hendaklah dirundingkan terlebih dahulu dengan Yang Berhormat, penasihat Undang-undang Negeri melalui Pengarah Tanah dan Galian. Ini akan menolong menetapkan apa-apa garis panduan yang perlu dilikuti terutama sekali dari segi bukti-buktii yang perlu diambil daripada tempat kejadian untuk menyenangkan pembuktian kes itu di Mahkamah.
  - b) Apabila selesai rundingan seperti di (a) itu maka bolehlah dijalankan kerja-kerja menangkap dan menahan orang yang melakukan perlanggaran itu dan merampas apa-apa benda yang didapat berkaitan dengan kes itu.
  - c) Pegawai yang berkenaan menjaga kes itu kemudian hendaklah sertamerta menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada Pegawai polis yang berpangkat tidak rendah dari Inspektor yang diminta membantu mengikut Seksyen 426 A(93) kanun Tanah Negara atau, jika tidak ada bantuan polis diminta menyerahkan orang yang ditangkap itu kepada Balai Polis yang berdekatan sekali. Penyerahan kepada Pihak Polis ini adalah amat perlu kerana orang yang ditangkap itu akan dikenakan beberapa peruntukan Kanun Acara Jenayah. Dari segi apa-apa percakapan orang-orang yang ditangkap itu bolehlah diambil oleh pihak polis.

- d) Pihak polis yang berkenaan dan Pegawai Pejabat Tanah yang mengendalikan kes ini hendaklah bekerjasama supaya kesemua butir-butir kes itu dikemukakan kepada Yang Berhormat, Penasihat Undang-undang Negeri dengan segera.

Persoalan mengenai slapakah akan menjalankan pendakwaan kes itu. Yang Berhormat, Penasihat Undang-undang Negeri akan tetapkan sendiri, berdasarkan kepada beratnya kes itu dan adanya atau tidak peguambela dalam kes itu.

4. Berdasarkan sistem pendakwaan yang tercatut di atas dan dengan tujuan memudahkan serta menyelaraskan tindakan-tidakan yang akan diambil bagi perlanggaran beberapa peruntukan Kanun Tanah Negara, diperturunkan di bawah ini panduan-panduan yang patut diliiki:-

I- Pengeluaran Permit Pengambilan dan pengalihan Bahan Bantuan.

Semua Pemungut Hasil Tanah hendaklah menghantarkan senarai setiap kali pengeluaran permit-permit sebagaimana di atas kepada Pejabat Pengarah Tanah dan galian. Senarai itu hendaklah mengandungi:-

- D) Nombor Permit;
- ID) Bahan Bantuan yang dibenarkan;
- III) Kawasan yang dibenarkan;
- IV) Jumlah Pengambilan dan Pengalihan yang dibenarkan;
- V) Tempuh Permit;
- VI) Nama kepada siapa dikeluarkan;
- VII) Nombor Kenderaan mengangkut.

II- Tindakan Di bawah Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara:

- D) Pemungut hasil Tanah menerima lapuran;
- ID) Arahan Pemungut Hasil Tanah untuk mengambil tindakan;
- III) Pengesahan dan penelitian (siasatan)- hendaklah mengandungi :-

- a) Pengesahan Tanah - Tanah Kerajaan/Reserve/Lombong/Milikian;
- b) Rintahan - Luas, perkara-perkara yang terdapat dan dilakukan di atas tanah, alat-alat yang digunakan;
- c) Pelan;
- d) Permit - Tempuh;
- e) Butir-butir dan latar belakang yang memerintah/melanggar;
- f) Maklumat-maklumat lain seperti orang bersubahat, orang yang mengambil upah dan lain-lain.

- iv) Jika perlanggaran betul dilakukan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengeluarkan amaran dan tempuhnya dan mendapatkan akuan penerimaan serta salinan kepada Pengarah Tanah dan Galian, bagi bahan bantuan hendaklah diminta membuat bayaran;
- v) Jika tidak berkesan hendaklah mengangkatkan lapuran kepada Pengarah Tanah dan Galian;
- vi) Keputusan Pengarah Tanah dan Galian dan rundingan dengan Yang Berhurmat, Penasihat undang-undang Negeri;
- vii) Selesa rundingan barulah diambil tindakan mengikut garis-garis panduan yang akan diberi oleh Yang Berhurmat, Penasihat Undang-undang Negeri di samping sistem pendakwaan di atas.

III- Lain-lain:

a) Perlanggaran Syarat-syarat Tanah:

Peraturan yang diperuntukan oleh Kanun Tanah Negara hendaklah dilikuti dan diambil tindakan bagi sesuatu perlanggaran yang difikirkan perlu dan patut sahaja;

b) Tunggakan Cukai Sewa:

Kes-kes yang jumlah tunggakannya banyak dan juga didapati tidak berfaedah diambil tindakan merampas tanah itu hendaklah diambil tindakan mengikut nasihat yang dibuat oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan dalam Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian, persekutuan BII. 9/1974.

Cara seperti ini adalah mengakibatkan pendakwaan dan dalam keadaan ini sebelum tindakan diambil, lapuran hendaklah diangkat kepada Pengarah Tanah dan galian untuk dirunding dahulu dengan Yang Berhurmat, Penasihat Undang-undang Negeri.

t.t.

(DATO' LELA JASA)

Pengarah Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Bil. (21) dlm. PTG.TR. 13/66/1 (SEM)

s.k.

Yang Berhurmat,  
Setiausaha Kerajaan,  
Terengganu.

Yang Berhurmat,  
Penasihat Undang-undang Negeri,  
Terengganu.

Kuala Terengganu, 12hb. Mac, 1977.